



Penghujung Satu Amanah Permulaan Satu Harapan

Fokus

Majlis Santunan Budi
Fit@HPUSM
Bukan Sekadar Sihat

Bengkel

Bengkel KPI UPKA
Ramadan Fit@UPKA

Almanac (Ilmiah)

Kerja Adalah Ibadah
Oleh: Puan Adibah Muslim

EDISI 1 2025

Januari – April

Dari Meja Penasihat Buletin

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, kita sekali lagi dipertemukan dalam penerbitan Buletin Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am (UPKA) bagi edisi Januari hingga April 2025, sejajar dengan sasaran penerbitan empat (4) bulan sekali setiap tahun. Edisi kali ini menghimpunkan pelbagai aktiviti, pencapaian serta perkembangan yang telah berlangsung sepanjang empat bulan pertama tahun 2025.

Tahun 2025 telah bermula dengan penuh semangat dan iltizam, menyaksikan komitmen berterusan seluruh warga UPKA dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan cemerlang. Setiap program dan inisiatif yang dilaksanakan menjadi bukti nyata usaha gigih warga UPKA dalam memperkasakan mutu perkhidmatan yang disampaikan.

Saya amat menghargai sumbangan semua pihak, sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung, dalam menjayakan pelaksanaan aktiviti serta penerbitan buletin ini. Usaha berterusan anda semua menjadi tonggak kekuatan UPKA.

Diharapkan Buletin UPKA ini dapat menjadi sumber informasi, inspirasi dan rujukan yang bermanfaat kepada semua pembaca. Semoga kita terus melangkah ke hadapan dengan semangat yang lebih tinggi serta cita-cita yang lebih besar dalam merealisasikan matlamat tahun 2025.

Selamat membaca dan terima kasih atas sokongan serta komitmen berterusan anda semua.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



Mohd Saberi Mohd Yusoff
Timbalan Pengarah (Pentadbiran)

Isi Kandungan



Majlis Perutusan Pengarah HPUSM 2025	4
---	---



Persaraan Puan Hasni Hassan	8
--------------------------------	---



fit@HPUSM Bukan Sekadar Sihat	10
----------------------------------	----



Bengkel Pelupusan Rekod Bersama Arkib Negara	17
---	----



Ilmiah UPKA: Kerja Sebagai Ibadah	18
--------------------------------------	----



Santai Besama: Puan Maisarah Hussain	21
---	----

Sidang Redaksi

PENASIHAT

Encik Mohd Saberi Mohd Yusoff

EDITOR

Cik Wan Nurfatin Shahirah Wan Ariffin

PEREKA

Encik Muhamad Syakirin Hakim Khairul Nizam

PEMBACA PRUF

Puan Suhaila Hashim

PENYELARAS SUMBER

Bahagian Perolehan & Kewangan

Encik Azharuddin Abdul Aziz

Puan Suhaila Hashim

Puan Norhasmirina Nawi

Bahagian Pengurusan Aset & Perkhidmatan Dobi

Puan Norashikin Aziz

Encik Ahmad Afifi Haji Ismail

Puan Nur Adibah Muslim

Puan Jawaratul Saniah Kamal Abd Nasir

Bahagian Sumber Manusia

Cik Mirawaty Mat Ghani

Encik Ahmad Azwan Ab Rahman

Bahagian Pembangunan Organisasi & Governan

Cik Nabilah Mohd Pauzi

Cik Wan Nurfatin Shahirah Wan Ariffin

Kelab Kebajikan UPKA (KUPKA)



Majlis Perutusan Pengarah 2025

7 Januari 2025

Satu lembaran baharu terbuka dalam kepimpinan Hospital Pakar USM apabila Prof. Dato Dr. Ab Rahman Izaini Bin Ghani @ Ab Ghani secara rasmi menyampaikan amanat sulung beliau dalam Majlis Perutusan Bersama Pengarah Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM) yang telah berlangsung di Auditorium Blok Pentadbiran, Hospital Pakar USM.

Majlis tersebut dihadiri oleh barisan pengurusan tertinggi hospital, ketua-ketua jabatan dan unit serta kakitangan hospital bagi mendengar amanat dan pengharapan Pengarah Hospital Pakar USM dalam meneruskan agenda kecemerlangan HPUSM sebagai pusat perubatan terulung.

Majlis turut diserikan dengan penyerahan surat pelantikan kepada Barisan Pengurusan Tertinggi HPUSM iaitu Timbalan Pengarah (Klinikal), Profesor Dr. Zaidi Zakaria; Timbalan Pengarah (Operasi) Profesor Dr. Mohd Imran Yusof; Timbalan Pengarah (Infrastruktur dan Aset), Dr. Mohamed Ashraf Mohamed Daud; Timbalan Pengarah (Korporat dan Kelestarian), Profesor Dr. Shatriah Ismail dan Timbalan Pengarah (Pentadbiran), En Mohd Saberi Mohd Yusoff.



Santunan Budi & Serah Tugas Pengarah Hospital Pakar USM

12 Januari 2025

Penghujung
Satu Amanah
Permulaan
Satu Harapan

Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM) telah mengadakan Majlis Santunan Budi dan Serah Tugas Pengarah HPUSM sebagai tanda penghargaan atas jasa dan kepimpinan mantan Pengarah, YBhg. Dato' Prof. Dr. Nik Hisamuddin Nik Ab. Rahman, serta bagi meraikan pelantikan Prof. Dato' Dr. Ab Rahman Izaini Ghani @ Ab Ghani sebagai Pengarah HPUSM berkuat kuasa mulai 1 Januari hingga 31 Disember 2025.

Majlis penuh tertib yang berlangsung di Auditorium Blok Pentadbiran itu menghimpunkan lebih 100 warga HPUSM yang hadir bagi meraikan detik bersejarah pertukaran tampuk kepimpinan hospital. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Timbalan Pengarah (Klinikal), Prof. Zaidi Zakaria; Timbalan Pengarah (Digital), Dr. Ariffin Marzuki Mokhtar; serta Timbalan Pengarah (Pentadbiran), En. Mohd Saberi Mohd Yusoff.

Majlis ini mencerminkan penghargaan seluruh warga HPUSM atas kepimpinan yang telah diberikan serta menyatakan komitmen penuh untuk menyokong kepimpinan baharu dalam meneruskan legasi kecemerlangan. Warga HPUSM turut mendoakan agar segala urusan kedua-dua pemimpin ini sentiasa dipermudahkan dan diberkati.



Setinggi-Tinggi *Tahniah*

Kepada

**Prof. Dato' Dr. Ab Rahman Izaini
Ghani @ Ab Ghani**

Diatas Pelantikan Sebagai

**Pengarah
Hospital Pakar USM**

**Ikhlas Daripada:
Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am**





Majlis *Perpisahan* Puan Hasni Hassan

13 Januari 2025

Satu majlis ringkas tetapi penuh bermakna telah diadakan di H Elite Design Hotel, Tunjong bagi meraikan persaraan Puan Hasni Hassan, Setiausaha Eksekutif yang telah berkhidmat hampir 31 tahun di Universiti Sains Malaysia (USM) dan menamatkan khidmat bakti di Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am.

Majlis diserikan dengan kehadiran warga jabatan serta ucapan penghargaan daripada Timbalan Pengarah (Pentadbiran), En. Mohd Saberi selaku Ketua Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am. Dalam ucapannya, beliau menyifatkan Puan Hasni sebagai seorang yang berdedikasi dan sentiasa ceria sepanjang berkhidmat bersama di UPKA.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran suami dan anak-anak Puan Hasni, yang hadir memberikan sokongan dan meraikan detik bermakna tersebut bersama beliau. Suasana menjadi lebih meriah apabila segmen nyanyian istimewa daripada rakan sekerja, termasuk nyanyian istimewa daripada En Mohd Saberi sendiri dipersembahkan khas sebagai tanda perpisahan yang menyentuh hati.

Puan Hasni turut menyampaikan ucapan terima kasih atas segala sokongan dan kerjasama sepanjang perkhidmatannya, sambil mengenang pelbagai kenangan manis bersama di UPKA.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata sebagai tanda penghargaan, diikuti sesi bergambar kenangan.







FIT@HPUSM

Bermula Januari 2025

Membudayakan Kesihatan di Tempat Kerja.

Menyedari bahawa tahap kesihatan yang baik merupakan elemen penting dalam memastikan kecekapan dan keberkesanan dalam menjalankan tugas harian, Pengurusan Hospital Pakar USM (HPUSM) telah mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan program 'FIT@HPUSM'.

Inisiatif ini dirangka khusus bagi menggalakkan penglibatan staf dalam aktiviti fizikal di samping menanamkan kesedaran tentang kepentingan penjagaan kesihatan secara menyeluruh.





SIRI SATU SIRI DUA SIRI TIGA



23 Januari 2025

Program 'FIT@HPUSM' dirancang untuk dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan sepanjang tahun 2025. Program ini merangkumi pelbagai aktiviti seperti sesi senamrobik serta ceramah kesihatan dan pemakanan sihat yang dikendalikan oleh pakar dalam bidang berkaitan.


27 Februari 2025

Melalui penganjuran program ini secara berterusan, pihak pengurusan berharap dapat mewujudkan persekitaran kerja yang lebih sihat, positif dan produktif, selain menggalakkan interaksi sosial serta semangat kekitaan dalam kalangan warga kerja HPUSM.

21 Mac 2025

Secara tidak langsung, ia juga dilihat mampu menyumbang kepada peningkatan tahap kesejahteraan mental dan fizikal para kakitangan, seterusnya memberi impak positif terhadap prestasi dan mutu perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan.

Serumpun Bak Serai...



Selamat
Hari

2025



Raya Cidilfitri 1446

...Sesusun Bak Sireh



MESYUARAT BERSAMA PENGARAH HOSPITAL PAKAR USM BERSAMA UNIT DI BAWAH HOSPITAL

13 Januari 2025

Satu mesyuarat perbincangan bersama Pengarah baharu Hospital Pakar USM, Prof. Dato' Dr. Ab. Rahman Izaini Bin Ghani @ Ab Ghani telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Pengarah Hospital. Mesyuarat ini memberi ruang kepada pihak unit untuk berkongsi maklumat berkaitan fungsi, cabaran dan cadangan penambahbaikan dalam usaha menyokong kelancaran operasi di UPKA serta hospital secara menyeluruh.

BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK DAN KPI 2025 UNIT PENTADBIRAN DAN KEMUDAHAN AM

19 Januari 2025

Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am (UPKA) telah menganjurkan Bengkel Perancangan Strategik dan KPI 2025 bagi merangka hala tuju jabatan serta menetapkan sasaran prestasi tahunan. Bengkel ini memberi tumpuan kepada penambahbaikan pengurusan pentadbiran serta penetapan KPI yang selaras dengan objektif setiap bahagian di bawah UPKA. Ia turut menjadi platform perkongsian cadangan dan inisiatif penambahbaikan perkhidmatan. Komitmen semua pihak amat penting dalam memastikan strategi yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan. UPKA terus komited menyokong kecermerlangan organisasi melalui tadbir urus yang cekap dan perkhidmatan berkualiti.



BENGKEL PEMBANGUNAN JADUAL PELUPUSAN REKOD HPUSM BERSAMA ARKIB NEGARA MALAYSIA

2 – 4 Februari 2025

HPUSM dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia (ANM) telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Jadual Pelupusan Rekod selama tiga (3) hari bertempat di Dewan Persidangan Kampus, Kampus Kesihatan. Bengkel ini diadakan bertujuan memberi kefahaman yang lebih jelas berkaitan panduan serta kaedah penyediaan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) di samping membantu peserta untuk melaksanakan pelupusan rekod secara lebih sistematik dan teratur mengikut garis panduan ANM.

Taklimat telah diberikan oleh dua (2) orang pegawai dari Arkib Negara Malaysia yang bertindak selaku penceramah dan fasilitator sepanjang bengkel ini. Bengkel ini telah dihadiri oleh pegawai bertanggungjawab (PIC) yang telah dilantik bagi menguruskan fail dan rekod di peringkat jabatan dan unit masing-masing. Sepanjang sesi, peserta telah didedahkan kepada proses pembangunan JPR termasuk pengelasan rekod, penilaian nilai rekod, serta dokumentasi pelupusan yang diperlukan. Usaha ini diharap dapat membantu HPUSM membangunkan JPR secara komprehensif dan seterusnya memperkukuh pengurusan rekod jabatan selaras dengan piawaian Arkib Negara Malaysia.





“PROFESSIONAL CORPORATE TEAM BUILDING PROGRAMME” DI TANJONG DEMONG

13 – 15 Februari 2025

Program Professional Corporate Team Building telah diadakan bertempat di Tanjung Demong Beach Resort. Program ini bertujuan memberi kefahaman tentang pemantapan ilmu, kemahiran dan nilai peribadi, di samping menerapkan budaya kerja cemerlang.

Ia juga menjadi platform untuk mengeratkan hubungan antara pihak pengurusan HPUSM dan staf pelaksana. Peserta program terdiri daripada jururawat, pembantu perawatan kesihatan, pembantu tadbir, juruterapi pergigian, pembantu pembedahan pergigian dan pembantu khidmat am.



PROGRAM INTEGRITI DAN ETIKA KERJA: MENJAGA STANDARD DALAM PERKHIDMATAN

28 April 2025

Program Integriti dan Etika Kerja bertajuk ‘Menjaga Standard Dalam Perkhidmatan’ telah diadakan di Auditorium Blok Pentadbiran bagi meningkatkan kesedaran warga Hospital Pakar USM tentang kepentingan nilai integriti dan etika profesional dalam perkhidmatan.

Ceramah telah disampaikan oleh Pegawai Undang-undang HPUSM iaitu En. Wan Amier Firdaus Wan Mohd Azaman @ Wan Azman, yang menekankan prinsip akauntabiliti, ketelusan dan tanggungjawab dalam membentuk budaya kerja yang beretika serta menjaga imej organisasi.



RAMADAN UPKA 26 DAYS FIT CHALLENGE 2025: TRADISI TAHUNAN UPKA



2 – 27 Mac 2025

Kelab Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am (KUPKA) di bawah tampuk pimpinan baharu meneruskan lagi program tradisi UPKA seperti tahun-tahun sebelumnya iaitu program penurunan berat badan, UPKA FIT Ramadhan Challenge. Diadakan setiap tahun sempena bulan Ramadhan, program ini bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat walaupun dalam tempoh berpuasa.

Edisi tahun 2025 ini masih mengekalkan konsep yang sama iaitu pertandingan menurunkan berat badan dalam kalangan dua kategori utama: Lelaki dan Wanita. Peserta yang menunjukkan perubahan paling positif akan menerima ganjaran menarik sebagai penghargaan atas usaha mereka.

Sebagai inisiatif tahunan, UPKA Fit Ramadhan Challenge bukan sekadar pertandingan tetapi juga platform untuk memupuk kesedaran tentang pentingnya penjagaan kesihatan secara konsisten. Ia juga menjadi ruang untuk mengeratkan hubungan sesama warga kerja melalui aktiviti yang sihat dan bermanfaat.



KERJA SEBAGAI IBADAH

Bekal Dunia, Pahala Akhirat

Oleh: Puan Nur Adibah Muslim

Dalam kesibukan harian, kita sering terperangkap dalam rutin kerja – bangun pagi, ke tempat kerja, menyelesaikan tugas, lalu pulang dalam keletihan. Namun, jarang kita berhenti sejenak untuk bertanya: Apakah tujuan sebenar aku bekerja?

Hakikatnya, pekerjaan bukan sekadar sumber pendapatan atau sekadar memenuhi tuntutan hidup. Lebih daripada itu, kerja boleh menjadi satu bentuk ibadah – jika dimulakan dengan niat yang ikhlas kerana Allah SWT. Dengan kefahaman ini, segala yang kita lakukan di tempat kerja akan mempunyai nilai yang tinggi di sisi agama.

1. Niat: Asas Segala Amalan

Apabila kita berniat bekerja kerana Allah – untuk menunaikan amanah dan mencari rezeki yang halal – maka setiap tugas harian, walaupun rutin dan sederhana, akan menjadi ibadah yang diberkati. Niat yang betul mampu mengubah kerja biasa menjadi luar biasa di sisi Allah.

2. Integrasi Iman dan Tanggungjawab

Islam tidak memisahkan antara kerja dan ibadah. Bekerja dengan tekun, jujur dan penuh amanah adalah sebahagian daripada iman. Menepati masa, tidak menangguh kerja, menjaga etika dan akhlak – semua ini bukan sekadar tuntutan profesional, tetapi juga nilai murni yang disarankan oleh agama.

Apabila iman menjadi asas dalam tugas harian, kita akan lebih berhati-hati dan berusaha bersungguh-sungguh demi menunaikan amanah, bukan sekadar memenuhi arahan ketua atau mengejar penilaian manusia.

3. Penawar Stres dan Motivasi Diri

Kerja yang dilakukan semata-mata kerana gaji atau tekanan luaran mudah menjadi beban dan mencestuskan stres. Namun, apabila ia diniatkan kerana Allah, segala cabaran menjadi ringan dan bermakna. Ujian di tempat kerja akan dilihat sebagai proses tarbiah dan pembentukan jiwa.

Di saat manusia memuji, kita bersyukur; dan ketika tiada siapa melihat, kita tetap berusaha – kerana yang utama ialah penilaian Allah, bukan manusia. Inilah motivasi dalaman yang paling tulen dan berkesan.

4. Menyemai Budaya Positif di Tempat Kerja

Bayangkan suasana kerja yang dihuni oleh insan-insan yang bekerja kerana Allah – saling menghormati, ringan membantu, tidak berkira dan

tidak menyakiti. Suasana ini melahirkan ketenangan, kesatuan dan keberkatan.

Budaya kerja seperti ini tidak datang secara spontan. Ia lahir daripada kefahaman bahawa kerja adalah salah satu medan dakwah dan amal soleh. Niat yang ikhlas akan mencorak perilaku yang membina persekitaran kerja yang harmoni dan produktif.





Kerja bukan sekadar alat mencari rezeki, tetapi medan untuk mengumpulkan pahala. Setiap kali melangkah keluar rumah, perbaharuilah niat dan ingatkan diri:

“Ya Allah, aku bekerja hari ini kerana-Mu. Jadikanlah setiap peluh, masa dan tenagaku sebagai amal soleh yang Kau redhai. Permudahkan urusanku, dan jauhkan aku daripada kelalaian serta kezaliman.”

Semoga setiap detik di tempat kerja menjadi ladang pahala yang subur, membawa kita lebih hampir kepada redha Ilahi. Dengan menjadikan pekerjaan sebagai ibadah, kita bukan sahaja berjaya di dunia, bahkan juga di akhirat.

Lestari Tanpa Kompromi

PROGRAM KITAR SEMULA PAKAIAN

9-10 April 2025

Program ini merupakan salah satu usaha Jawatankuasa Kelestarian UPKA bagi menggalakkan warga kerja termasuk staf Hospital Pakar USM untuk menyumbangkan pakaian terpakai yang masih dalam keadaan baik bagi tujuan kitar semula atau disalurkan kepada pihak yang memerlukan. Tempat pengumpulan pakaian telah disediakan di Stor UPKA, Aras Bawah, Blok Pentadbiran, dan program ini berlangsung selama dua hari bermula jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang (9 April) dan hingga 2.00 petang (10 April). Sebanyak 143.20 kg pakaian terpakai berjaya dikumpulkan sepanjang dua hari program berjalan.



Jom Sertai

Program Kitar Semula Pakaian



9 April 2025 (8 Pagi - 4 Petang)

10 April 2025 (8 Pagi - 2 Petang)



Stor Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am,
Aras Bawah, Blok Pentadbiran

Anjuran:
Jawatankuasa Kelestarian
Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am (UPKA)



Kempen Kumpul & Hantar E-Waste

Laci rumah penuh dengan kabel bersimpul?
Ada powerbank lama, remote control tak berfungsi
atau telefon lama yang dah "bersara"?
Ini masanya untuk buang dengan bertanggungjawab
- demi alam sekitar!

27 9.00 Pagi - 4.00 Petang

Hingga **29** Stor Unit Pentadbiran dan
Kemudahan Am, Aras Bawah
April Blok Pentadbiran
2025 Hospital Pakar USM

Untuk Pertanyaan, Hubungi:

Encik Azwan: Puan Syazwani:
Tel: 017-9233306 Tel: 013-9509987
Ext: 3013 Ext: 3025

Anjuran:

Jawatankuasa Kelestarian Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am, Hospital Pakar USM



KEMPEN KUMPUL DAN HANTAR E-WASTE

27-29 April 2025

Jawatankuasa Kelestarian Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am, Hospital Pakar USM telah menganjurkan Kempen Kumpul & Hantar E-Waste sebagai usaha menggalakkan warga kerja melupuskan sisa elektronik dengan cara yang bertanggungjawab dan selamat. Kempen yang berlangsung selama tiga hari, dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang, bertempat di Stor Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am, Aras Bawah Blok Pentadbiran, memberi peluang kepada staf untuk menghantar pelbagai barangan elektronik terpakai seperti telefon bimbit, laptop, pengecas, peralatan elektrik kecil dan mesin pejabat yang tidak lagi digunakan.





GOTONG-ROYONG & PLOGGING BLOK PENTADBIRAN

14 April 2025

Program gotong-royong dan plogging telah diadakan di sekitar Blok Pentadbiran HPUSM, anjuran Jawatankuasa Kelestarian UPKA, bagi membersihkan kawasan selepas penganjuran Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat HPUSM. Program ini merupakan salah satu inisiatif kelestarian yang bertujuan menyemarakkan semangat kebersamaan serta memelihara kebersihan persekitaran Blok Pentadbiran. Diharapkan program seperti ini dapat memupuk kesedaran dalam kalangan warga kerja UPKA terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar sebagai usaha menyokong agenda kelestarian USM.



Selamat Datang ke UPKA Puan Maisarah. Jika tidak keberatan boleh Puan kongsi- kan serba sedikit tentang latar belakang?

Sudah tentu. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk muncul dalam ruangan Santai Bersama sebagai salam perkenalan untuk semua warga UPKA. Saya dilahirkan pada 19 Jun 1975 dan dibesarkan di Kota Bharu, Kelantan. Alhamdulillah kini saya sudah berusia 50 tahun. Saya telah mendirikan rumah tangga bersama suami, Mohd Nazri Che Ali pada tahun 1998 dan alhamdulillah saya dan suami dikurniakan enam orang cahaya mata hasil perkongsian hidup bersama.

Bagaimanakah permulaan kerjaya Puan selepas tamat pengajian?

Selepas menamatkan pengajian dalam Diploma Sains Kesetiausahaan di UiTM Jengka, Pahang pada Jun 1996, saya memulakan pekerjaan pertama saya sebagai Setiausaha di Yayasan Pelajaran MARA di Kem Kijang (sekarang Kolej Polytech MARA) selama tujuh (7) tahun sebelum memulakan kerjaya saya.

Bila dan di mana Puan mula berkhidmat di USM?

Pengalaman bekerja selama 5 tahun di bawah penyeliaan Profesor Emerita Datuk Dr. Asma Ismail. Ia merupakan pengalaman yang berharga bagi saya kerana dapat bertugas menguruskan jadual seorang ahli akademik yang berkaliber dan dikenali dunia atas kebolehan serta kepakaran beliau di dalam dunia sains. Beliau banyak memberi panduan kepada saya untuk menjadi seorang setiausaha yang efisien, cekap serta cecal dalam mengendalikan kerjaya tanpa batasan dan cabaran. Saya masih ingat lagi kata-kata beliau semasa hari pertama melapor diri – 'I want you to be more than a PA'.



Wajah Baru @ UPKA Puan Maisarah Hussain

Jika tidak keberatan, boleh Puan kongsi- kan kenangan berharga sepanjang berkhidmat sebagai seorang Setiausaha Pejabat?

Saya mula berkhidmat di USM pada 3 Februari 2004 sebagai Setiausaha kepada Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM), Profesor Emerita Datuk Dr. Asma Ismail. Selepas hampir lima (5) tahun di INFORMM, saya ditempatkan di Unit Pemakanan dan Dietetik, kemudian ke Pejabat Timbalan Pengarah (Infrastruktur & Aset), seterusnya Pejabat Pengarah Hospital dan kini di UPKA. Setiap tempat saya berkhidmat sepanjang 21 tahun sebagai seorang Setiausaha banyak mencoretkan kenangan manis, ada juga yang pahit namun pengalaman itulah yang akan saya hargai sampai bila-bila.



5 Perkara Menarik Tentang Puan Maisarah

Makanan Kegemaran

- **Laksa Penang.**

Hobi Waktu Lapang

- **Berkebun dan bela kucing.**

Jika tidak menjadi setiausaha, Puan rasa akan jadi apa?

- **Mungkin seorang usahawan.**

Moto hidup yang selalu Puan pegang

- **'Hablum minallah wa hablum minannas' iaitu jaga hubungan baik dengan Allah dan manusia.**

Tempat Kegemaran

- **Tempat beriadah dan rehat minda seperti pantai, taman, dan sebagainya.**



Apa perasaan Puan dapat menyertai UPKA dan harapan untuk masa hadapan?

Merupakan satu bonus kepada saya kerana dapat bertugas di satu unit yang mempunyai kepelbagaian bidang seperti sumber manusia, pengurusan aset, dan lain-lain serta dapat menyertai aktiviti Hospital dan Kelab UPKA yang dianjurkan seperti bengkel penambahbaikan ilmu, townhall, badminton, USMFit, bowling, majlis perayaan.

Akhir kata dari saya, syabas buat warga UPKA kerana sentiasa bersatu hati dan berganding bahu dalam segala pelaksanaan program HPUSM, semoga semangat ini akan terus kekal dan utuh dalam memberi perkhidmatan yang terbaik.



DITERBITKAN OLEH:
UNIT PENTADBIRAN & KEMUDAHAN AM
Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia